

Imam perlu jadi pemimpin masyarakat

UM-5/6/2007

PASIR PUTEH 4 Jun - Imam perlu menguasai pelbagai kemahiran dan pengetahuan agar memudahkan usaha melaksanakan tanggungjawab meningkatkan syiar Islam dan bertindak memimpin masyarakat setempat.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Mustafa Abdul Rahman berkata, dengan banyak permasalahan yang dihadapi masyarakat, mereka harus berupaya menyusun dan turut melaksanakan langkah mengatasinya.

"Tanggungjawab imam bukan hanya menjadi pemimpin solat dan menjelaskan kuliah agama tetapi juga menjadi ketua masyarakat," katanya dalam ucapan perasmian Mesyuarat Penubuhan Persatuan Imam-Imam Malaysia di Taman Rehlah di sini, hari ini.

Tek ucapannya dibacakan oleh Pegawai Penyelaras Takmir Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Mohamad Shah Baweh.

Lebih 1,000 imam seluruh negara yang hadir itu turut mengikuti Seminar Pemantapan Organisasi dan Pelaksanaan Pembangunan Pengurusan masjid yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini.

Mustafa berkata, usaha menangani gejala sosial di kalangan remaja yang melibatkan kes penagihan dadah, tabiat melepak dan merempit motosikal juga perlu diberi perhatian.

Katanya, pendekatan dakwah yang strategik melibatkan kumpulan sasaran yang dikenal pasti di mukim masing-masing akan membantu pihak berkuasa lain membanteras gejala sosial itu.